

Krisis dan Komitmen Identiti Remaja

Azizi bin Hj Yahaya

Dalam aspek sosial, remaja mencari identiti dan mempunyai keinginan untuk bebas daripada kongkongan ibu bapa, untuk berdikari dan untuk membuat apa-apa yang disukainya tetapi dalam masa yang sama memerlukan bimbingan terutamanya dari segi kewangan dan tempat tinggal. Usaha remaja mencari identiti mungkin menjadi amat sukar dengan terdapatnya berbagai-bagai pilihan nilai dalam diri remaja tentang masa hadapan mereka. Seltzer dan Waterman (1996), menjelaskan wujud '*frameworklessness*' dalam hidup remaja, iaitu keadaan sementara di mana terdapat kekurangan panduan, arahan dan batasan dalam kehidupan. '*Frameworklessness*' bermula dengan perubahan fizikal diri remaja yang drastik dan tidak pasti tentang masa depan. Mereka menjadikan rakan sebaya sebagai rujukan untuk mencari identiti dan masa depan dan tempat melafazkan fikiran dan emosi. Seltzer dan Waterman (1996) seterusnya menyatakan dalam zaman remaja wujud '*peership*' iaitu persahabatan yang unik kepada remaja. Rakan sebaya berumur lebih kurang sama dengan remaja tersebut yang terdiri daripada rakan persekolahan, rakan yang tinggal di kawasan perumahan yang sama, rakan-rakan dalam aktiviti riadah dan sukan yang sama. Oleh itu rakan sebaya menjadi kumpulan rujukan psikologikal remaja apabila remaja memerlukan pemisahan dari kongkongan ibu bapa untuk menjadi dewasa.